

PERATURAN PERTANDINGAN BOLA TAMPAR

1.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

- 1.1** Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-undang / Peraturan Bola Tampar Rasmi MAVA dan Peraturan-Peraturan Am, **KARNIVAL SUKAN STAFF UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS 2017**.
- 1.2** Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan adalah muktamad.
- 1.3** Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.
- 1.4** Jawatankuasa Teknikal berhak meminda dan menambah mana-mana peraturan jika difikirkan perlu.

2.0 PENDAFTARAN PEMAIN

- 2.1** Bilangan penyertaan pemain bagi setiap pasukan adalah 12 orang pemain dan seorang pengurus/ jurulatih pasukan.
- 2.2** Setiap pemain perlu didaftar mengikut nombor jersi bagi mengelakkan sebarang kekeliruan semasa pendaftaran.
- 2.3** Pendaftaran Pemain hendaklah menggunakan borang khas iaitu Borang Daftar Pasukan Bola Tampar yang telah diedarkan.
- 2.4** Taklimat dan pengundian akan diadakan dan Borang Daftar Pemain Bola Tampar, diserahkan sebelum atau pada
- 2.5** Semua kakitangan yang terlibat hendaklah membawa Kad Pekerja dan ia hendaklah diserahkan kepada jawatankuasa pengelola pertandingan sekiranya perlu.
- 2.6** Setiap pemain hendaklah terdiri daripada kakitangan di bawah kontinjen yang sama sahaja.
- 2.7** Pihak jawatankuasa pengelola pertandingan berhak membatalkan mana-mana pasukan yang melanggar atau tidak mematuhi syarat-syarat di atas.

3.0 SISTEM PERTANDINGAN

- Sistem pertandingan akan dijalankan secara Liga Kumpulan
- Separuh Akhir
- Penentuan tempat ketiga
- Akhir

4.0 MENARIK DIRI

- Setiap pasukan tidak dibenarkan menarik diri dari sebarang perlawanan. Jika ianya berlaku, pasukan berkenaan adalah dianggap menarik diri dari keseluruhan pertandingan dan tidak dibenarkan menyertai pertandingan seterusnya.

5.0 PEMBATALAN (WALK OVER)

- Setiap pasukan hendaklah berada di gelanggang tiga puluh (30) minit sebelum perlawanan bermula.
- Pasukan yang lewat lima belas (15) minit dari masa yang telah dijadualkan tanpa memberi alasan yang munasabah adalah dianggap kalah dan kemenangan tanpa bertanding diberikan kepada pihak lawan.

6.0 FORMAT KIRAAN MATA

- Perlawanan akan dijalankan dalam kiraan 31 mata untuk setiap perlawanan dan pasukan akan bertukar gelanggang jika salah satu pasukan mendahului mata dengan kiraan 16 mata.
- Dalam kiraan Deuce pasukan terikat pada mata 30 sama dan mana-mana pasukan yang ada kelebihan 2 mata dikira pemenang. Jika berlanjutan pada mata yang sama kiraan mata dikira pada mana-mana pasukan yang telah mendahului pada mata maksimum 35 mata.
- Bagi perlawanan penentuan tempat ketiga dan akhir, sistem kiraan mata adalah 25 mata pada setiap set. Perlawanan dijalankan secara “best of 3”.
- Set ketiga iaitu tie-break dalam kiraan 15 mata akan dijalankan jika terdapat pasukan masing-masing menang 1 set semasa perlawanan.
- Kiraan mata deuce akan dijalankan jika pasukan terikat pada kedudukan 24 sama, dan mana-mana pasukan yang mendahului 2 mata akan dikira pemenang. Jika berlanjutan kiraan mata maksimum sehingga 30 mata akan sahaja diberikan yang mana-mana pasukan yang memperolehi dahulu mata tersebut dikira pemenang. Dalam kiraan tie-break pasukan yang terikat pada kedudukan mata 14 sama juga boleh mendapat deuce dengan kiraan mana-mana pasukan mendahului dengan 2 mata dan jika berlanjutan mata maksimum 17 mata sahaja diberikan dan mana-mana pasukan yang terlebih dahulu mencapai mata tersebut dikira pemenang.

7.0 PAKAIAN

- Setiap pasukan hendaklah memakai pakaian sukan (Bernombor belakang dan depan) dan berkasut.
- Pasukan yang tidak memakai pakaian sukan dan berkasut tidak dibenarkan menyertai pertandingan ini.

8.0 PERALATAN

- Setiap pertandingan akan disediakan 3 biji bola Mikasa (MVA 200) untuk pertandingan (Tournament Ball) Biru/Kuning.

9.0 PENGADIL

- Pengadil akan disediakan oleh pihak jawatankuasa pertandingan
- Setiap pasukan perlu menyediakan 2 orang penjaga garisan di kalangan pemain.

10.0 PENANGGUHAN PERLAWANAN

- Sekiranya keadaan cuaca tidak mengizinkan atau berlaku masalah teknikal, maka pengadil akan menunda dengan persetujuan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan
- Pihak Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan akan menetapkan semula perlawanan yang telah tertangguh.
- Kiraan mata dari perlawanan yang tertangguh akan dibawa ke perlawanan sambungan.

11.0 PERKARA-PERKARA AM

- Jawatankuasa Pengelola Kejohanan mempunyai hak untuk mengambil sebarang keputusan jika timbul kemusykilan dalam kejohanan ini seandainya tidak dinyatakan dalam peraturan pertandingan dan keputusan adalah muktamad.
- Pihak jawatankuasa Pengelola Kejohanan berhak meminda sebarang undang-undang kejohanan jika perlu.
- Setiap perlawanan akan dijalankan mengikut masa yang telah dijadualkan, tetapi jawatankuasa pengelola kejohanan berhak meminda susulan atau tarikh/masa jika perlu. Perubahan ini akan diberitahu oleh pengurus pasukan masing-masing dengan secepat mungkin.
- Selain daripada pegawai-pegawai yang terlibat, tiada sesiapa pun dibenarkan masuk ke dalam gelanggang bila sesuatu perlawanan dijalankan.
- Ahli-ahli sesuatu pasukan yang dibenarkan menduduki atas bangku pemain simpanan yang disediakan pada masa perlawanan adalah seperti berikut:
 - Jurulatih Pasukan
 - 6 orang pemain simpanan
- Disiplin dan kebajikan ahli sesuatu pasukan adalah tanggungjawab Pengurus Pasukan masing-masing dan diharap semua Pengurus Pasukan akan memberi kerjasama kepada pihak pengelola kejohanan supaya kejohanan dapat berjalan dengan lancar dan berjaya.

12.0 BANTAHAN

12.1 Rujuk Peraturan Am Perkara 15.0

11.0 KELEWATAN

11.1 Rujuk perkara 4.3 syarat khusus

12.0 MENARIK DIRI DAN MENYERAH KALAH

12.1 Rujuk Peraturan Am Perkara 14.0

13.0 BANTAHAN DAN RAYUAN

13.1 Rujuk Peraturan Am Perkara 15.0